

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 38: 21 Oktober 2024



Tuanku Zara Rasmi UPSI Sports Bowl, Pusat Boling Pertama dalam IPT

Tanjong Malim, 14 Oktober - Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim berkenan berangkat merasmikan Hari Sukan Negara Peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2024 dan UPSI Sports Bowl bertempat di UPSI Sport City, Kampus Sultan Azlan Shah di sini hari ini.

Keberangkatan tiba baginda diiringi isteri Menteri Besar Perak Datin Seri Aezer Zubir, Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI Datuk Seri Parkash Abdullah, Naib Canselor UPSI Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI Holdings Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan serta Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebesaran negeri Perak diikuti bacaan doa sebelum baginda menyempurnakan lafaz perasmian dan menandatangani plak. Seusai majlis, Tuanku Zara berkenan melepaskan 3,000 peserta dalam kalangan pelajar dan kakitangan UPSI bagi acara Millenia Pink Fun Walk yang diadakan bertujuan menyokong sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara Sedunia yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun.

Selain itu, Tuanku Zara juga berkenan meluangkan masa ke UPSI Sports Bowl yang merupakan Pusat Sukan Boling 24 lorong pertama dibina dalam institusi

pengajian tinggi (IPT) di negara ini. Md Amin dalam ucapannya berkata lebih RM200,000 sebulan dijana melalui kehadiran kira-kira 5,000 pengunjung ke UPSI Sports Bowl yang beroperasi sepenuhnya sejak 16 Sept lepas.

Beliau berkata industri sukan yang dicetuskan melalui Sports Bowl berkenaan juga dilihat berpotensi mewujudkan pelbagai peluang sosioekonomi dari sudut pengurusan, penyelenggaraan dan penganjuran acara.

"Dilengkapi dengan 24 lorong bertaraf antarabangsa, UPSI Sports Bowl menjadi lokasi tumpuan aktiviti riadah keluarga, anak muda dan pengunjung setempat. "Impak ini sedikit sebanyak telah meletakkan nama Muallim dan UPSI sebagai destinasi wajib dikunjungi. Dari sudut ekonomi ia mampu menjadi pemangkin kepada peningkatan peluang pekerjaan, perniagaan dan industri sukan di Perak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata UPSI turut berharap kemudahan berkenaan dapat digunakan sebaiknya dalam membentuk jaringan kepakaran sukan boling, mengetengahkan bakat-bakat muda serta penubuhan akademi boling bertaraf antarabangsa.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Sukarelawan ResQ Team UPSI Berbakti di Bumi Muallim

Tanjong Malim, 16 Oktober - ResQ Team dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus berbakti sebagai sukarelawan pasca banjir melalui Misi Pasca Banjir di Daerah Muallim, Perak.

Misi yang dikoordinasi oleh Mohamad Aidil Aimin Abdullah daripada Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) ini melibatkan seramai 47 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UPSI. Menurut Timbalan Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr. Muhammad Aqil Aryan Wong dalam misi berkata, operasi pembersihan

oleh sukarelawan ResQ Team UPSI ini dilakukan di dua lokasi iaitu di Slim River, Perak dan Kuala Kubu Bharu, Selangor yang melibatkan sebanyak tiga buah rumah dan sebuah Kafa Integrasi Kampung Seri Keledang.

“Dalam misi ini, ResQ Team UPSI membantu melakukan pemindahan perabot dan aktiviti pembersihan. Semua sukarelawan memberikan komitmen 100 peratus dalam membantu mempercepatkan proses pembersihan kawasan banjir ini”, ujarnya lagi. Dalam pada itu, Timbalan Naib

Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Norkhalid Salimin berkata inisiatif ini merupakan satu tanggungjawab dan keprihatinan warga universiti terhadap masyarakat yang ditimpa bencana di samping membina jaringan hubungan antara universiti dan komuniti.

“Universiti sentiasa cakna akan nasib masyarakat yang ditimpa musibah dan berpegang teguh kepada pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dalam membantu masyarakat yang memerlukan bantuan”.



UPSI, MEITD Jalin Kerjasama Strategik, Tingkatkan Profesionalisme Guru Sarawak

Tanjong Malim, 18 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyambut baik hasrat kerajaan negeri Sarawak untuk menjalinkan kerjasama dalam meningkatkan kecemerlangan dalam bidang Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di Sarawak.

Kunjungan hormat Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat 1 (MEITD), Datuk Dr. Hj. Annuar Rapae ke UPSI pada hari ini

membuka lebar baruan kepada UPSI untuk menyediakan platform dan usahasama akademik untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru Sarawak. Ketibaan YB Timbalan Menteri disambut oleh ahli pengurusan tertinggi UPSI dan sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar.

“UPSI amat mengalu-alukan kunjungan ini dan bersedia menawarkan program

dan kursus yang bersesuaian dengan keperluan dan hasrat MEITD, terutamanya dalam bidang STEM,” kata beliau. Dalam pada itu, pihak MEITD juga berhasrat untuk menyediakan peluang dan biasiswa bagi membuka peluang kepada guru-guru di Sarawak melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang. UPSI menjadi pilihan untuk program kerjasama strategik ini dengan menawarkan 95 program di peringkat pasca siswazah.



UPSI Rakan Kolaborasi Utama Pelan Pembangunan Tanah Lembap, Pulau Pinang

Kepala Batas, 10 Oktober - Seramai 40 peserta daripada pelbagai pemegang taruh antaranya kumpulan agensi kerajaan, akademik, pertubuhan bukan kerajaan, dan komuniti nelayan telah hadir menjayakan sebuah bengkel yang bertajuk “Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Bagi Tinjauan dan Hala Tuju Pelan Pengurusan Tanah Lembap, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang”.

UPSI telah diwakili oleh Dr. Nur Munira Azman dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains Matematik, UPSI yang juga merupakan koordinator bengkel menyatakan, objektif bengkel adalah untuk mengumpulkan semua pemegang taruh berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagi menyediakan tinjauan hala tuju pelan pengurusan tanah lembap Teluk Air Tawar-Kuala Muda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Selain itu, bengkel ini juga memberikan

informasi penting kepada pemegang taruh melalui perkongsian pakar antaranya perbentangan tentang contoh pengurusan tanah lembap di Mai Po Nature Reserve oleh Fion Cheung (WWF-Hong Kong-secara atas talian) dan pelaporan cadangan pemeliharaan ekosistem tanah lembap Teluk Air Tawar-Kuala Muda oleh John Howes (pakar ekologi). Malah satu dokumentasi awal maklum balas antara pemegang taruh akan diwujudkan bagi perancangan pelan pengurusan tanah lembap Teluk Air Tawar-Kuala Muda (Penaga).

Dr. Nur Munira berkata “Teluk Air Tawar-Kuala Muda yang terletak di Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang merupakan tempat terdapatnya ekosistem paya bakau dan dataran lumpur yang terbesar di Pulau Pinang yang masih terjaga dan masih kurang dicerobohi dengan pembangunan.

Ekosistem paya bakau berperanan sebagai penampungan ombak, sumber hasil laut, tempat pembiakan organisma marin, menyerap karbon dioksida dan pelbagai lagi.

Luasnya sekitar lebih 600 hektar telah dikenal pasti sebagai salah satu kawasan berkepentingan burung dan biodiversiti di Malaysia. Ia merupakan tempat persinggahan utama burung-burung pantai hijrah yang bermigrasi setiap tahun dari Alaska ke New Zealand. Tempatnya yang strategik di Pulau Mutiara ini menjadikan ia mudah dikunjungi dan menjadi tumpuan para pemerhati burung dari dalam dan luar negara”. Walau bagaimana pun ekosistem tanah lembap ini belum mempunyai pelan pengurusan yang mampan dan ia amat penting bagi persediaan untuk tapak ini dinominasikan sebagai tapak Ramsar dan Flyway Site.

